

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

YKA 101 – Pengantar Komunikasi Manusia

Masa: 3 jam

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak dan 5 soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan. Soalan 1 diwajibkan. Semua jawapan mesti ditulis dalam Bahasa Malaysia.

Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.

1. Terangkan dengan contoh, empat (4) daripada konsep di bawah di dalam konteks komunikasi interpersonal atau kumpulan.

- (a) Konsep diri dan tingkap Johari
- (b) Komunikasi sentuhan dan komunikasi ruang
- (c) Pemikiran kelompok (groupthink)
- (d) Pengukuhan dan penafian
- (e) Maklum awal dan maklum balas

(100 markah)

2. Bincangkan bagaimana prinsip-prinsip utama komunikasi manusia boleh menjelaskan isu-isu yang berkaitan dengan permasalahan berikut:

- (a) Mengapakah kita dan orang lain sering melihat sesuatu isu dari sudut yang begitu berbeza atau berlawanan?
- (b) Mengapa perbalahan selalu terjadi mengenai perkara remeh; namun begitu sukar diselesaikan?
- (c) Mengapakah kita mungkin benar-benar tidak mengetahui apa yang dirasakan oleh seseorang?

(100 markah)

...2/-

3. Huraikan konsep konflik seperti yang disarankan oleh DeVito (1997:275). Dengan memberikan contoh-contoh bincangkan strategi pengurusan konflik yang berkesan dan tidak berkesan.

(100 markah)

4. Bincangkan bagaimana masalah boleh timbul di dalam aliran komunikasi organisasi dan huraikan cara-cara menangani masalah-masalah yang berhubung dengan komunikasi menegak, mendatar dan menerusi khabar angin (*grapevine*).

(100 markah)

5. Dengan merujuk kepada komunikasi persahabatan atau percintaan, bincangkan tahap-tahap di dalam perhubungan interpersonal. Apakah sifat dan ciri-ciri perhubungan tersebut? Bincangkan bagaimana prinsip umum komunikasi yang berkesan boleh diadaptasikan di dalam memupuk dan menambahbaik perhubungan di dalam konteks yang anda pilih tadi.

(100 markah)

-oooOooo-